

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

BAHAGIAN A

(20 MARKAH)

1.

Ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w adalah mudah, berubah mengikut kesesuaian dan tidak menyusahkan penganutnya.
--

Pernyataan di atas menerangkan konsep

 - A Murunah
 - B Amanah
 - C Kinayah
 - D Thabat

2. Pilih pernyataan yang BENAR tentang Karamah.
 - A Perkara luar biasa yang berlaku kepada nabi dan rasul.
 - B Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang bakal dilantik menjadi rasul.
 - C Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tidak mentaati perintah Allah.
 - D Perkara luar biasa yang berlaku kepada orang yang tinggi darjatnya di sisi Allah.

3. Golongan berikut tidak layak menguruskan harta **kecuali**
 - A Orang gila.
 - B Orang gaji.
 - C Orang bodoh.
 - D Orang yang belum mumaiyiz.

4. Cara bermuamalah yang dilarang dalam Islam.
 - A ar-Riba.
 - B ar-Rahn.
 - C al-Ijarah.
 - D al-Ba' bithaman ajil.

5.

Islam bersifat praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.
--

Pernyataan di atas menerangkan pengertian

 - A Rabbaniyyah.
 - B Syumuliyah.
 - C Waqi`iyah
 - D `Alamiyyah

- 6
- | |
|---|
| ◆ Hilang rahmat Allah.
◆ Hilang keperibadian mulia.
◆ Tiada ketenangan dalam kehidupan. |
|---|

Pernyataan di atas merujuk kepada implikasi melakukan perbuatan

- A Makruh.
- B Haram.
- C Sunat.
- D Harus.

- 7 Ibadat bermaksud....

- A Merendah diri dan memohon keampunan daripada Allah s.w.t
- B Perkataan dan pengakuan yang berlandaskan syariat Islam.
- C Kepatuhan dan keyakinan dalam hati kepada semua perintah dan larangan Allah.
- D Pengabdian dan ketaatan kepada Allah s.w.t melalui perkataan, perbuatan dan pengakuan hati.

- 8 Manakah diantara berikut **bukan** perlakuan jenayah

- A Mencuri.
- B Bertaubat.
- C Menfitnah.
- D Minum arak.

- 9 Matlamat utama sistem kehakiman Islam adalah

- A Mewujudkan masyarakat yang aman dan harmoni.
- B Memastikan kesinambungan dakwah Islamiyyah.
- C Menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran.
- D Memupuk nilai-nilai keadilan dan kesaksamaan di kalangan rakyat.

10. Berikut merupakan langkah penyelesaian masalah tak kesamaan sosial melalui akhlak Islam, **melainkan**

- A Sentiasa prihatin terhadap penderitaan orang lain.
- B Sentiasa bertawakal dalam setiap tindakan.
- C Sentiasa melakukan kebajikan dengan ikhlas.
- D Sentiasa menolong orang yang memerlukan.

- 11 Antara berikut , manakah padanan yang menunjukkan contoh kesederhanaan dalam prinsip Waqi'iyah :

I	Aqidah	Mempercayai sesuatu yang nyata atau zahir dan perkara-perkara ghaib dengan dalil yang jelas
ii	Ibadat	Tidak meringankan dan tidak sampai membebankan umatNya
lii	Undang-undang	Bercanggah dengan fitrah manusia
iv	Kerohanian	Melebihkan tuntutan kehidupan dunia daripada kehidupan akhirat

- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV
12. Pilih pernyataan yang menerangkan matlamat penyelesaian masalah terhadap masyarakat.

- I Melahirkan semangat bekerjasama dan perpaduan .
 II Hidup dengan aman dan selesa.
 III Membangkitkan semangat untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh.
 IV Menegakkan keadilan dalam masyarakat.

- A I, II dan III.
 B I, II dan IV.
 C I, III dan IV.
 D II, III dan IV.

13. Tujuan utama al-Quran diturunkan adalah

- A Menerangkan cara beribadat dengan betul.
 B Menyebarkan syariat yang suci.
 C Membimbing manusia ke jalan yang benar.
 D Memberi pahala kepada orang yang membaca.

- 14 Ciri-ciri pekerjaan yang digalakkan Islam ialah :-

- A Seronok dan mengembirakan.
 B Berpendapatan lumayan
 C Mudah naik pangkat .
 D Memenuhi keperluan diri

- 15 Nyatakan maksud Alamiyyah dalam ajaran Islam.

- A Boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap atas prinsip asasnya.
 B Tetap dan teguh serta tidak berubah.
 C Sesuai diamalkan bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.
 D Lengkap serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.

16. Mengapakah hukuman dalam perundangan Islam perlu dilaksanakan di khalayak ramai?.
- A Untuk memalukan penjenayah.
 - B Untuk membuktikan hukuman telah dilaksanakan.
 - C Untuk memberi peringatan kepada pesalah dan orang ramai.
 - D Untuk menjatuhkan maruah penjenayah.
17. Sifat sentiasa tenang dan berpandangan jauh mesti ada pada seseorang hakim kerana
- I Boleh menerima pendapat dan pandangan orang lain.
 - II Menjatuhi hukuman yang setimpal dengan kesalahan.
 - III Membuat keputusan yang adil dan telus.
 - IV Memuaskan hati semua pihak.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
18. Berikut merupakan cara mewujudkan jati diri ummah.
- I Melalui latihan bina semangat.
 - II Melalui penguasaan ilmu dan kemahiran.
 - III Melalui perancangan yang kemas.
 - IV Melalui penggunaan sumber tenaga yang baik dan berkesan.
- A I, II dan III.
 - B I, II dan IV.
 - C I, III dan IV.
 - D II, III dan IV.
19. Ibadat-ibadat fardhu yang diharuskan rukhsah ialah
- I Solat Rawatib
 - II Zakat
 - III Solat fardhu
 - IV Sedekah
- A I dan II
 - B III dan IV
 - C II dan III
 - D I dan IV

- 20 Perundangan Islam menyediakan hukuman yang adil melalui....
- I Hukuman yang dijatuhkan tanpa mengira kedudukan dan bangsa.
 - II Hukumannya setimpal dengan kesalahan.
 - III Hukumannya tetap dan tidak berubah.
 - IV Hukumannya dijatuhkan oleh hakim yang adil.
- A I dan II.
 - B II dan III.
 - C III dan IV.
 - D I dan IV.

BAHAGIAN B

(20 markah)

*Jawab semua soalan*Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah **45 minit**.

Tuliskan jawapan yang betul di dalam ruangan yang disediakan

Untuk Kegunaan
Pemeriksa

- 21 Terpelihara daripada melakukan dosa kecil atau dosa besar.

- 22 Perkara yang jika ditinggalkan mendapat pahala dan jika dilakukan berdosa.

- 23 Perceraian yang berlaku atas kemahuan isteri dengan membayar ganti rugi kepada suami.

Lengkapkan pernyataan berikut.

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

- 24 Perutusan para rasul bermula dengan _____ dan diakhiri dengan Nabi Muhammad s.a.w.

- 25 Hukum _____ iaitu perkara yang sangat digalakkan untuk ditinggalkan.

- 26 Nutfah mengambil masa selama 40 hari untuk membentuk _____.

27 Antara prinsip _____ ialah kesempurnaan hanya milik Allah swt.

	1
--	---

Untuk
kegunaan
Pemeriksa

Tandakan (✓) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan (×) pada pernyataan yang SALAH.

- | | | | |
|---|----|--|----------------------|
| 1 | 28 | Mengabaikan tugas amal makruf nahi mungkar akan menambahkan lagi gejala sosial dalam masyarakat. | <input type="text"/> |
| 1 | 29 | Fatwa hanya dikeluarkan oleh kadi. | <input type="text"/> |
| 1 | 30 | Talak ialah pembatalan ikatan perkahwinan mengikut kuasa kadi. | <input type="text"/> |
| 1 | 31 | Islam mengharamkan pembayaran kembali terhadap sesuatu pinjaman yang melibatkan pertambahan. | <input type="text"/> |


Soalan 32– 36 adalah berdasarkan pernyataan di bawah.

X	Sumber harta yang halal		Y	Sumber harta yang haram
---	-------------------------	--	---	-------------------------

	Pernyataan	Jawapan
32	Kegiatan pertanian dan penternakan khinzir	
33	Perkhidmatan membersihkan tangki najis	
34	Menyedia dan menjual arak	
35	Mengurangkan ukuran kain yang dibeli oleh pelanggan	
36	Jualan hasil kraftangan batik dan songket	

Soalan 37 hingga 40 adalah berdasarkan carta di bawah.

Carta di bawah menerangkan perlakuan dalam penyelesaian masalah. Nyatakan perkataan yang sesuai pada A, B, C dan D



- 37 A : _____
- 38 B : _____
- 39 C : _____
- 40 D : _____

SOALAN KERTAS 1 TAMAT

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

- | | | | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|----|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

BAHAGIAN A

KERTAS 2
MASA 2 JAM 30 MINIT

[100 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **empat** soalan yang lain.

- | | | | |
|---|-----|--|-------------|
| 1 | (a) | (i) Wahyu adalah sumber ilmu yang azali .
Apakah maksud azali ? | [2 markah] |
| | | (ii) Al- Quran merupakan wahyu Allah yang tidak ternilai .
Senaraikan tiga keistimewaan Al- Quran ? | [6 markah] |
| | (b) | (i) Allah memerintahkan manusia berfikir dengan cara yang menepati wahyu .
Apakah maksud berfikir menepati wahyu ? | [2 markah] |
| | | (ii) Nyatakan cara berfikir yang menepati wahyu ? | [6 markah] |
| | (c) | (i) Namakan empat contoh budaya asing yang bertentangan dengan Islam. | [4 markah] |
| 2 | (a) | (i) Rabbaniyyah ialah ciri penting yang membuktikan Islam agama yang unggul. Nyatakan dua contoh sifat Rabbaniyyah yang perlu dimiliki oleh pelajar. | [2 markah] |
| | | (ii) Islam sentiasa menuntut umatnya berusaha meningkatkan keilmuan .
Terangkan tiga sumbangan anda sebagai pelajar bagi mencapai matlamat tersebut ? | [6 markah] |
| | (b) | (i) Murunah adalah ciri perundangan hidup Islam yang penting .
Berikan maksud Murunah ? | [2 markah] |
| | | (ii) Nyatakan tiga kelebihan Murunah ? | [6 markah] |
| | (c) | Terangkan perkaitan antara Murunah dan Thabat dalam kehidupan harian berserta contoh. | [4 markah] |
| 3 | (a) | (i) Setiap individu mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap Allah s.w.t, Rasulullah s.a.w dan kepada pemerintahnya.
Nyatakan dua tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah. | [4 markah] |
| | | (ii) Syura melambangkan asas syariah yang wajib dijalankan dalam urusan agama, kemaslahatan negara dan rakyat keseluruhannya.
Berikan maksud syura | [2 markah] |
| | (b) | (i) Masyarakat yang makmur akan melahirkan negara yang maju.
Terangkan dua peranan individu dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera. | [4 markah] |
| | | (ii) Jelaskan tiga akibat jika peranan ini diabaikan. | [6 markah] |
| | (c) | Kemukakan alasan mengapa hakim ditegah menjatuhkan hukuman ketika marah | [4 markah] |

- 4 (a) (i) Harta tidak datang bergolek tetapi perlu dicari. [4 markah]
Mengapakah Islam menggalakkan umatnya mencari harta ?.
- (i) Jelaskan dua langkah untuk mendapatkan harta secara halal. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan dua conotok pemilikan harta secara haram. [2 markah]
- (ii) Berikut adalah jenis-jenis muamalah dalam Islam.
Al-Wadiah
Al-Bai` Bithaman Ajil
Al-Ijarah
Ar-Rahnu
Huraikan **tiga** daripadanya. [6 markah]
- (c) Terangkan **dua** langkah untuk menggalakkan bermuamalah secara Islam. [4 markah]
- 5 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan talak. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** sebab Islam mengalakkan umatnya berkahwin. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** tanggungjawab suami dan isteri terhadap rumah tangga. [4 markah]
- (b) (i) Hukum wajib adalah merupakan ujian daripada Allah kepada manusia. [2 markah]
Nyatakan pengertian hukum wajib.
- (ii) Nyatakan **dua** hikmah hukum wajib. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah dapat mengawal dan membentuk peribadi seseorang. [4 markah]
- 6 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan kekuatan ekonomi? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **tiga** cara untuk mencapai kekuatan ekonomi negara. [6 markah]
- (b) (i) Islam menganjurkan cara penyelesaian masalah yang baik. [4 markah]
Senaraikan **empat** perlakuan yang perlu dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah secara Islam.
- (ii) Nyatakan langkah-langkah penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah penyelesaian masalah secara Islam dapat mewujudkan ketenangan jiwa?. [2 markah]
(4 markah)

- 7 (a) (i) Nyatakan pengertian ajaran sesat . [2 markah]
(ii) Apakah kesan anti-Hhadis. [6 markah]
- (b) (i) Syumuliyah bermaksud lengkap. [4 markah]
Jelaskan dua hujah yang membuktikan kesyumulan dalam perundangan Islam.
- (ii) Ibadat merupakan tanggungjawab manusia terhadap Allah [4 markah]
Terangkan perbezaan ibadat khusus dan ibadat umum berserta contoh.
- (c) Konsep keadilan dalam Islam adalah bersifat Alamiyyah. [4 markah]
Jelaskan dua konsep Alamiyyah dalam bidang sosial.

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1**BAHAGIAN A**

1.	A	2.	D	3.	B	4.	A	5.	C
6.	B	7.	D	8.	B	9.	C	10.	B
11.	A	12.	B	13.	C	14.	D	15.	C
16.	C	17.	B	18.	D	19.	C	20.	A

BAHAGIAN B

- 21 Maksum
- 22 Haram
- 23 Khuluk
- 24 Nabi Adam a.s.
- 25 Makruh
- 26 Alaqah
- 27 Syumuliyah
- 28 Betul
- 29 Salah
- 30 Salah
- 31 Betul
- 32 Y
- 33 X
- 34 Y
- 35 Y
- 36 X
- 37 Tawakal
- 38 Keazaman
- 39 Tindakan
- 40 Muhasabah

* Jawapan tidak perlu susunan mengikut susunan di atas.

SKEMA KERTAS 2

- 1 (a) i Maksud azali ialah :
- Azali merujuk kepada ilmu Allah yang hakiki , qadim , kekal dan mutlak
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- ii Tiga keistimewaan wahyu al- Quran
- mengandungi pelbagai ilmu pengetahuan
 - merupakan rahmat kepada orang yang beriman
 - tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kitab
 - menjawab semua permasalahan umat manusia
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- (b) Berfikir dengan cara yang digariskan oleh al-Quran dan al-Hadis .
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- (ii) Cara berfikir yang menepati wahyu
- berfikir untuk melakukan kebaikan
 - berfikir untuk menjauhkan kemungkaran
 - berfikir untuk membangunkan negara dan diri sendiri .
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- 1 (c) Empat contoh budaya asing bagi Islam :
- Budaya punk
 - Black metal
 - Valentine day
 - Rock
- [4 x 1 markah = 4 markah]
- 2 (a) i Dua sifat Rabbaniyyah yang perlu dimiliki oleh pelajar :
- Berakhlak mulia.
 - Rajin belajar
 - Ikhlas melakukan sesuatu perkara.
 - Berani kerana benar.
- [2 x 1 markah = 2 markah]
- ii Tiga sumbangan anda sebagai pelajar bagi mencapai matlamat tersebut
- sentiasa membaca bahan bacaan yang berfaedah
 - sentiasa membuat kajian dan penyelidikan
 - sentiasa mendampingi orang-orang yang berilmu
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- (b) i Maksud Murunah
- Ajaran Islam yang boleh berubah mengikut kesesuaian tanpa mengubah prinsip asas yang telah ditetapkan dalam al-Quran dan al-Hadis .
- [1 x 2 markah = 2 markah]

- ii Tiga kelebihan Murunah
- menunjukkan sifat toleransi ajaran Islam
 - menarik minat orang bukan Islam memahami Islam
 - dapat menggalakkan umat Islam mentaati dan melaksanakan perintah Allah
 - memastikan kesinambungan ajaran Islam
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- iii Perkaitan antara Murunah dan Thabat dalam kehidupan harian serta contohnya :
- Ajaran Islam bersifat tetap iaitu Thabat dari segi prinsip atau dasarnya tetapi dari segi pelaksanaannya adalah berubah (Murunah) mengikut kesesuaian yang di benarkan dalam islam .
 - Contohnya : Pakaian berfesyen tetapi menutup aurat / Solat mengikut kemampuan.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 3 (a) (i) Dua tanggungjawab rakyat terhadap pemerintahan.
- Bekerjasama membanteras kemungkar
 - Melindungi pemimpin / memberi sokongan.
 - Menasihati pemimpin melaksanakan tugas dengan amanah dan jujur.
 - Memelihara keharmonian hidup dalam masyarakat.
 - Menumpukan taat setia kepada pemerintah yang adil.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- (ii) Maksud syura
- Perbincangan antara cerdik pandai dengan ahli agama dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- 3 (b) (i) Dua peranan individu dalam masyarakat.
- Memelihara keamanan dan kesejahteraan hidup masyarakat / saling bekerjasama dan hormat menghormati.
 - Menyeru kebaikan dan mementingkan kebajikan / bekerjasama menjaga kebersihan persekitaran dan keharmonian.
 - Mencegah perbuatan mungkar dan adat yang menyalahi peraturan agama.
 - Bekerjasama menjaga keselamatan dan keutuhan masyarakat daripada dicerobohi.
 - Bersama-sama menjauhi dan membanteras amalan-amalan negatif seperti khurafat.
- [2 x 2 markah = 4 markah]

- (ii) Akibat jika tanggungjawab ini diabaikan.
- Gejala sosial dan kemungkar akan berleluasa.
 - Keharmonian / perpaduan masyarakat akan terugat.
 - Keselamatan dan keutuhan masyarakat akan terjejas.
 - Keruntuhan akhlak di kalangan ahli masyarakat.
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- 3 (c) Hakim ditegah menjatuhkan hukuman ketika marah :
- Keadilan dapat ditegakkan
 - maruah hakim terpelihara
 - keputusan mahkamah tidak akan dipertikaikan
 - mengelakkan kezaliman dan penganiyaan
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 4 (a) i Islam menggalakkan umatnya mencari harta :
- bersesuaian dengan fitrah manusia.
 - Bagi memenuhi keperluan diri dan keluarga.
 - Membantu golongan yang memerlukan.
 - Supaya kadar kemiskinan dapat dikurangkan.
 - Supaya dapat membangun dan memakmurkan negara.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- ii Dua langkah mendapatkan harta secara halal :
- Bekerja dalam bidang pekerjaan yang halal.
 - Berkerja dengan jujur dan ikhlas.
 - Memelihara akhlak ketika bekerja.
 - Memelihara ibadat ketika bekerja.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- iii Dua contoh pemilikan harta secara haram :
- Monopoli
 - Manipulasi
 - Mencuri
 - Riba
- [2 x 1 markah = 2 markah]
- 4 (b) (i) Huraian tiga daripada istilah dalam Muamalah Islam :
- Al-Wadiah : mewakilkan sesuatu barangan / harta yang berharga kepada pihak lain untuk disimpan dan diurus.
 - Al-Bai` Bithaman Ajil : kontrak jual beli untuk membeli sesuatu barangan dengan bayaran secara tertangguh.
 - Al-Ijarah : kontrak sewaan sesuatu barangan kepunyaan orang lain yang berharga dengan mengenakan bayaran.
 - Ar-Rahnu : menjadikan sesuatu barangan yang berharga sebagai cagaran bagi sesuatu hutang.
- [3 x 2 markah = 6 markah]

- 4 (b) (ii) Langkah-langkah untuk menggalakkan muamalah secara Islam.
- Memberi penerangan dan pendidikan secara berterusan.
 - Menyediakan kemudahan yang mencukupi kepada masyarakat untuk berurusan dengan sistem muamalah Islam.
 - mengemas kini sistem muamalah Islam.
 - Mengenal pasti masalah yang menghalang kelancaran sistem muamalah Islam.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 5 (a) (i) Maksud talak :
- Talak ialah pembubaran ikatan perkahwinan antara suami dan isteri yang sah dengan lafaz talak atau yang seumpama dengannya.
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- ii Sebab Islam menggalakkan umatnya berkahwin.
- Untuk mengelakkan berlakunya gejala sosial seperti zina dan maksiat.
 - Untuk meramaikan lagi umat manusia.
 - Dapat melahirkan zuriat yang sah dan baik.
 - Untuk membentuk sikap bertanggungjawab kepada pasangan suami isteri dan anak-anak.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- iii Dua tanggungjawab suami dan isteri terhadap rumah tangga.
- Mendidik anak-anak dengan didikan yang baik dan sempurna.
 - Memberi kasih sayang kepada anak-anak.
 - Memberi layanan yang sama rata kepada semua ahli keluarga.
 - Memelihara kerukunan rumah tangga.
 - Bertolak ansur dalam semua perkara.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 5 (b) (i) Pengertian hukum wajib :
- Perintah Allah yang mesti di laksanakan . Jika di laksanakan akan di beri pahala dan jika di tinggalkan akan di balas dengan dosa serta azab
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- 5 b ii Dua hikmat hukum wajib.
- Memastikan manusia melakukan perkara yang membawa kebaikan dalam kehidupan manusia.
 - Memastikan manusia tidak meninggalkan perkara asas dalam agama.
 - Memastikan kepentingan dan keharmonian manusia terpelihara.
 - Menguji manusia sama ada mentaati atau mengingkari perintah Allah.
- [2 x 2 markah = 4 markah]

- (c) Hukum yang ditetapkan oleh Allah dapat mengawal dan membentuk peribadi seseorang
- Manusia sentiasa melakukan kebaikan.
 - Manusia akan meninggalkan perkara yang diharamkan.
 - Manusia sentiasa berhati-hati dalam perlakuan / amalan harian.
 - Memastikan manusia tidak melakukan kerosakan dan penindasan.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- 6 a i Kekuatan ekonomi bermaksud:
sistem ekonomi yang teguh dalam segala bidang seperti pengeluaran,
pemasaran dan pendapatan negara
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- ii Kekuatan ekonomi negara dapat dicapai :
- menggunakan segala sumber ekonomi yang dibenarkan oleh syara
 - menggembeleng seluruh tenaga dan kepakaran dalam membangunkan ekonomi
 - membasmi masalah buta huruf dalam masyarakat
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- b i Perlakuan yang perlu dilaksanakan dalam menyelesaikan masalah secara Islam.
- Niat.
 - Keazaman.
 - Tindakan.
 - Tawakal.
 - Muhasabah.
- [4 x 1 markah = 4 markah]
- ii Langkah-langkah penyelesaian masalah menurut Islam
- Mengenal pasti setiap masalah yang berlaku.
 - Mengenal pasti punca masalah secara terperinci dan menyeluruh.
 - Mengenal pasti kaedah dan strategi penyelesaian masalah.
 - Menguji dan mengaplikasikan kaedah penyelesaian masalah.
 - Melakukan penilaian semula.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- c Penyelesaian masalah secara Islam dapat mewujudkan ketenangan jiwa.
- Umat yang bersatu padu dapat dibina.
 - Kebajikan dan pembangunan ummah dapat dilaksanakan.
 - Sifat kasih sayang dan hormat menghormati dapat dibentuk.
 - Hukum Allah disanjung dan diamalkan.
- [2 x 2 markah = 4 markah]

- 7 (a) i Ajaran sesat bermaksud :
- Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan al-Hadis
- [1 x 2 markah = 2 markah]
- ii Kesan anti hadis :
- Hilang rasa hormat terhadap nabi yang menjadi pilihan Allah sebagai utusannya
 - Menolak ajaran al-Quran
 - Umat Islam akan berpecah belah jika terdapat banyak pendapat dalam mentafsirkan hal-hal agama .
- [3 x 2 markah = 6 markah]
- (b) i Dua hujah yang membuktikan kesyumulan dalam perundangan Islam :
- Ditetapkan hukum qisas, hudud dan takzir untuk menjaga nyawa, agama dan sebagainya.
 - Setiap perkara yang ditegah dan disuruh mempunyai kebaikan dan keburukan untuk kepentingan manusia.
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- ii Perbezaan ibadat khusus dan ibadat umum berserta contoh.
- Ibadat Umum:
- Amalan harian yang dilakukan bertepatan dengan ajaran Islam dan diniatkan kepada Allah
 - Contoh : Bekerja
- Ibadat Khusus
- Segala perbuatan yang dilakukan oleh setiap individu secara khusus berhubung dengan Allah.
 - Contoh : Solat
- [2 x 2 markah = 4 markah]
- (c) Dua konsep Alamiyyah dalam bidang sosial :
- Tiada paksaan memeluk Islam.
 - Kebebasan bersuara dan mengeluarkan pendapat.
 - Hak perlindungan nyawa dan kehormatan.
- [2 x 2 markah = 4 markah]

CATATAN